

## **e-SEKATAN PERJALANAN**

- > *Permohonan boleh dibuat melalui MyTax menerusi perkhidmatan 'e-Sekatan Perjalanan'*
- > *Kriteria Kes Sekatan Perjalanan Yang Layak Dimohon :*
  - \* *Individu Warganegara Malaysia;*
  - \* *Sekatan Perjalanan Yang Dikenakan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967;*
  - \* *Tidak melibatkan kes sekatan perjalanan yang dikenakan atas pengarah syarikat; dan*
  - \* *Membuat BAYARAN PENUH amaun tunggakan cukai.*
- > *Pembayaran boleh dibuat menggunakan ByrHASiL.*
- > *Permohonan yang layak akan diproses dalam tempoh lima (5) hari dan status permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel atau notifikasi peti mel MyTax pembayar cukai.*

**Maklumat Lanjut Berhubung Sekatan Perjalanan Boleh Didapati Daripada Portal Rasmi HASiL di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**

## NOTA AMALAN NO. 1/2024

Nota Amalan merupakan suatu pernyataan yang dikeluarkan oleh HASiL dalam memberikan penjelasan serta pandangan yang lebih terperinci berkaitan layanan cukai atas sesuatu perkara. Terbaharu, Nota Amalan No. 1/2024 – Layanan Cukai Ke Atas Pengiktirafan Untung Kasar Atau Rugi Sebenar Daripada Suatu Kontrak Pembinaan telah dikeluarkan untuk rujukan dan bacaan bagi pembayar cukai yang terlibat.

Nota Amalan ini menjelaskan tentang penentuan untung kasar atau rugi sebenar yang akan diambil kira sebagai pendapatan kasar dalam pengiraan cukai suatu kontrak pembinaan. Ia turut memaparkan contoh-contoh yang boleh dijadikan rujukan dan perbandingan bagi memudahkan pemahaman pembaca.

Maklumat lanjut berhubung Nota Amalan yang telah dikeluarkan oleh HASiL boleh dirujuk melalui Portal Rasmi HASiL di pautan [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) di bawah menu Perundangan.

## NOMBOR BIL SEBAGAI RUJUKAN BAYARAN BAGI CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN

Bermula 1 April 2024, bayaran Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (CAPL) boleh dibuat dengan menggunakan Nombor Bil sebagai rujukan bayaran. Nombor Bil tersebut boleh diperolehi dengan mengemukakan permohonan kepada Seksyen Antarabangsa Labuan, HASiL Sabah.

Ia boleh dibuat menerusi kaedah berikut :

- Membuat pengiraan kadar cukai dan amaun bayaran terlebih dahulu mengikut tahun taksiran;
- Mengisi maklumat yang diperlukan dalam borang permohonan berkenaan; dan
- Mengemukakan borang permohonan yang diisi dengan lengkap ke seksyen berkenaan untuk diproses bagi janaan Nombor Bil. Nombor Bil yang dijana akan dimaklumkan kepada pembayar cukai melalui Slip Pembayaran.

Borang permohonan adalah tertakluk kepada satu tahun taksiran dan satu kadar cukai sahaja. Sekiranya bayaran melibatkan beberapa tahun taksiran, permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang secara berasingan. Bayaran menggunakan Nombor Bil boleh dibuat melalui sistem ByrHASiL.

Maklumat lanjut berkaitan permohonan Nombor Bil ini boleh dirujuk kepada Manual Penggunaan Permohonan Nombor Bil CAPL yang boleh dicapai melalui Portal MyTax <https://mytax.hasil.gov.my/> di bawah menu Panduan Pengguna.

## BORANG NYATA TERPINDA (BNT)

Pembayar cukai dibenarkan membuat pindaan sendiri (*self-amendment*) ke atas maklumat atau taksiran dalam Borang Nyata dengan mengemukakan BNT dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata. Pindaan adalah disebabkan :

- a) Pendapatan berkurang lapor / tidak lapor;
- b) Perbelanjaan / tuntutan lain yang terlebih menuntut; atau
- c) Elaun modal / insentif / pelepasan yang terlebih menuntut.

Pengemukaan BNT yang lengkap boleh dibuat secara :-

- i. Manual : Dihantar ke lokaliti HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan masing-masing; dan
- ii. e-Filing : Melalui MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my> > klik e-Filing > klik e-Borang > pilih e-BNT C  
(Nota: Untuk pembayar cukai syarikat sahaja)

Sila rujuk Garis Panduan Operasi Borang Nyata Terpinda di Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > klik Perundangan > pilih GPHDN 1/2020 – Prosedur Pengemukaan Borang Nyata Terpinda di bawah Garis Panduan Operasi.

## INFO PKPS 2.0 : KES AUDIT / SIASATAN

Di bawah Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0, pembayar cukai hendaklah membuat pelaporan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan HASiL yang sedang berkuat kuasa. Semakan pengiraan cukai (*mathematical / calculation error*) akan dilakukan bagi memastikan ketepatan pengiraan cukai bagi pengakuan sukarela yang dibuat.

HASiL akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh program ini dengan suci hati. Semakan lanjut sama ada melalui audit / siasatan tidak akan dilakukan terhadap tahun taksiran yang berkaitan dengan pendapatan yang dilaporkan secara sukarela tersebut.

Pembayar cukai tidak layak untuk menyertai PKPS 2.0 ini bagi mana-mana Tahun Taksiran (TT) yang mana tindakan audit / siasatan telah bermula. Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperoleh daripada Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) di bawah menu Pautan Popular.

### WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASiL TIDAK AKAN MEMBERI NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI PENDAPATAN MELALUI PANGGILAN TELEFON/EMEL/SURAT. SILA GUNAKAN BYRHASIL BAGI BAYARAN CUKAI JIKA BERKAITAN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.

## INISIATIF NASIONAL e-INVOIS

e-Invois diperkenalkan bertujuan untuk memperkemas dan menaik taraf sistem percukaian negara, menggalakkan ketelusan dalam pelaporan pendapatan serta meningkatkan kadar pematuhan cukai. Ia juga dilihat dapat menangani masalah ketirisan hasil negara kesan daripada urus niaga yang tidak dilaporkan dan dimanipulasi.

## PERSEDIAAN KE ARAH PELAKSANAAN E-INVOIS

### Sumber Manusia :

Perniagaan adalah dinasihatkan untuk mengumpulkan pasukan khusus yang dilengkapi dengan kepakaran dan keupayaan yang diperlukan sebagai persediaan pelaksanaan e-Invois.

### Proses Perniagaan :

Menjalankan kajian menyeluruh mengenai proses dan prosedur semasa dalam mengeluarkan invois sebagai dokumen transaksi.

### Teknologi dan sistem :

Mengesahkan ketersediaan sumber yang diperlukan, struktur data dan keupayaan IT sedia ada untuk memastikan sistem mematuhi keperluan e-Invois.

## MAKLUMAT LANJUT MENGENAI e-INVOIS

- 1) Rujuk laman mikro e-Invois di Portal Rasmi HASiL : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my),
- 2) Rujuk Garis Panduan e-Invois dan Soalan Lazim, atau
- 3) Kemukakan e-mel kepada [myinvois@hasil.gov.my](mailto:myinvois@hasil.gov.my) untuk sebarang pertanyaan dan maklum balas

Penggunaan Secara Mandatori

**e-PERKHIDMATAN**

Melalui Portal Mytax : <https://mytax.hasil.gov.my>

**Mulai 1 Januari 2024**